

UJIAN PENILAIAN KELAS KAFA (UPKK): RELEVANSI DAN IMPLIKASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Mohd Fadzly bin Hj Miswan

Kem Muara Tuang, Sarawak

Corresponding Author's Email: mohdfadzly80@yahoo.com

Article history:

Received : 16 November 2025

Accepted : 18 December 2025

Published : 31 December 2025

Abstrak

Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia, khususnya bagi pelajar Muslim, yang bertujuan memperkukuh Pendidikan Islam di luar kurikulum standard. Dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), program ini menyediakan platform menyeluruh untuk pelajar memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip Islam, termasuk pembacaan al-Quran dan penulisan Jawi. UPKK, yang kini menjadi peperiksaan utama peringkat kebangsaan bagi pelajar sekolah rendah selepas pemansuhan UPSR pada tahun 2022, menilai lapan mata pelajaran yang merangkumi aspek praktikal dan teori Islam. Dengan keputusan terkini yang menunjukkan kadar kejayaan yang tinggi, peperiksaan ini mendapat perhatian besar daripada ibu bapa dan pendidik. UPKK memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan dengan mengukur kefahaman pelajar terhadap ajaran asas Islam. Ia menggalakkan pengintegrasian amalan Islam dalam kehidupan seharian dan menangani kemerosotan literasi Jawi dengan memperkukuh pembelajarannya. Walaupun mempunyai banyak manfaat, UPKK berdepan cabaran seperti beban tugas guru, pampasan yang tidak mencukupi, serta konflik penjadualan dengan sekolah kebangsaan, yang menjejaskan persediaan pelajar secara berkesan. Isu-isu ini memerlukan penyelesaian strategik bagi meningkatkan pelaksanaan UPKK dan pengaruh positifnya terhadap pembangunan pelajar.

Kata kunci: UPKK, Pendidikan Islam, literasi Jawi, penilaian pelajar, cabaran pendidikan, Malaysia.

Abstracts

The Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) is a key component in Malaysia's national education system, particularly for Muslim students, aimed at reinforcing Islamic Education beyond the standard curriculum. Implemented by the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM), the program provides a comprehensive platform for students to understand and practice Islamic principles, including Quranic reading and Jawi writing. The UPKK, now the primary national-level exam for primary students after the abolition of UPSR in 2022, assesses eight subjects covering both practical and theoretical aspects of Islam. With recent results highlighting a high success rate, the exam garners significant attention from parents and educators alike. UPKK plays a crucial role in human capital development by measuring

students' comprehension of fundamental Islamic teachings. It encourages the integration of Islamic practices in daily life and addresses the decline in Jawi literacy by reinforcing its learning. Despite its benefits, UPKK faces challenges such as teacher workload, inadequate compensation, and scheduling conflicts with national schools, impacting the effective preparation of students. These issues necessitate strategic solutions to enhance UPKK's implementation and its positive influence on student development.

Keywords: UPKK, Islamic Education, Jawi literacy, student assessment, educational challenges, Malaysia.

Pendahuluan

Bani Hidayat dan Nor Hayati Fatmi (2018) dalam artikelnya menegaskan bahawa Pendidikan Islam adalah subjek yang wajib diambil oleh semua pelajar Muslim di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang bermula pada tahun 1990 di seluruh negara bertujuan menyokong Pendidikan Islam sedia ada dalam arus perdana pendidikan yang merangkumi latihan amali, kemahiran membaca Al-Quran dengan bertajwid serta melatih anak-anak di awal usia tujuh tahun untuk membaca dan menulis dalam jawi. Program ini dilaksanakan di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang memperuntuk masa minima 360 jam seminggu berbanding 240 jam seminggu bagi Pendidikan Islam sekolah rendah KSSR. Program secara sukarela ini memberi peluang kepada para pelajar untuk lebih memahami prinsip-prinsip asas agama Islam serta memperkukuh keimanan dan amalan mereka (Baharom et. al., 2018). Di akhirnya nanti, pada tahun kelima pengajian, anak-anak ini diuji dengan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang merupakan satu-satunya ujian sekolah rendah di peringkat kebangsaan setelah Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dimansuhkan pada tahun 2022.

Sebanyak lapan subjek sama ada secara amali atau teori akan diuji dalam UPKK merangkumi subjek Al-Quran, Ulum Syariah (Aqidah dan Ibadat), Sirah, Adab (Akhlak Islamiyah), Jawi dan Khat, Asas Lughatul Quran, Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI) dan Amali Solat. Terkini, kekusaran para ibu bapa serta pelajar tahun lima yang mengambil UPKK pada tahun 2023 terlerai apabila keputusannya telah diumumkan pada 18 April yang lalu. Seramai 28,531 atau 12.37 peratus calon Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) memperoleh keputusan Cemerlang (A) bagi kesemua lapan mata pelajaran, 88 peratus calon mencatat lulus keseluruhan dan hanya 0.01 peratus memperoleh keputusan semua D. Ujian ini mendapat perhatian meluas dalam kalangan ibu bapa dan pendidik sehinggakan kemeriahan menerima keputusan UPKK sebenarnya sama dirasai oleh para ibu bapa yang pernah melalui pengalaman ketika dahulunya mereka berdebar menanti keputusan UPSR. Bezanya, kebanyakan ibu bapa masa kini lebih bersikap terbuka dalam menerima apa jua keputusan peperiksaan anak mereka.

Namun yang demikian, kewujudan UPKK ini menimbulkan perbincangan hangat dalam kalangan para guru dan ibu bapa tentang relevansi dan implikasi UPKK terhadap sistem pendidikan negara. Dalam artikel ini, saya akan membincangkan kepentingan, cabaran yang dihadapi serta impak

ujian terhadap sistem pendidikan negara yang masih belum meluas kajian tentang penilaian peperiksaan ini.

Kepentingan UPKK dalam pembangunan modal insan

UPKK membantu dalam mengukur tahap pemahaman pelajar terhadap ajaran Islam setelah lima tahun menerima pembelajaran secara formal. Dengan menguji pengetahuan mereka tentang konsep-konsep asas seperti akidah, ibadah, dan muamalah, ujian kualitatif ini membolehkan pelajar menilai sejauh mana mereka dapat memahami agama mereka dengan lebih mendalam. Perbincangan lebih lanjut diutarakan oleh Munawar et al (2015) dalam artikel bertajuk Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu, pemahaman yang kukuh terhadap agama Islam merupakan asas yang penting dalam membentuk identiti seorang Muslim kerana tanpa agama, individu itu tidak mempunyai hala tuju yang jelas dalam kehidupan.

Melalui UPKK, pelajar diajar untuk mengaplikasi ajaran Islam dalam kehidupan seharian tentang tatacara solat, puasa, dan amalan lain yang diajarkan dalam kehidupan seorang Muslim. Ujian ini mendorong para pelajar untuk menjadi lebih berdisiplin dan konsisten dalam melaksanakan kewajipan seperti solat dengan tertib dan betul kerana rubrik pemarkahannya telah tersedia. Menurut Bidin et al (2015), solat tidak cukup dengan hanya mewajibkan penguatkuasaan semata-mata tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman, pelaksanaan dan juga penghayatan terhadap ibadah tersebut. Perkara inilah yang diterapkan dalam UPKK kerana mereka diuji dengan sewajarnya untuk membuahkan impak positif kepada pembangunan modal insan (Ismail, 2010).

Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 telah menggantikan tulisan jawi kepada tulisan rumi sebagai bentuk tulisan Bahasa Melayu menyebabkan identiti Bahasa Melayu yang asalnya berbentuk tulisan Jawi telah kehilangan identiti (Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Kewujudan UPKK adalah bertujuan memperkasa semula tulisan jawi kerana mereka berjaya menempuh pembelajaran yang pada mulanya dianggap sukar kerana terpaksa menulis dan membaca dalam jawi. Kajian setempat Saimon et al (2023) mengulas berkenaan tahap penguasaan tulisan jawi yang sering dipinggirkan dalam kalangan sekolah rendah kerana penulisan tersebut dianggap sukar difahami dan dipelajari sekaligus menghilangkan minat mereka. Namun dengan adanya ujian ini, para pelajar akan diuji pada tahap maksimum sejauh mana mereka mampu menguasai penulisan jawi. Artikel tersebut turut mengesa para pelajar sekolah rendah menanam perasaan minat terhadap tulisan Jawi kerana pada tahap ini mereka berupaya mempelajari tulisan Jawi. Berkat pengajaran berterusan para guru KAFA serta dorongan para ibu bapa, para pelajar akan terus mempergiat usaha untuk memantapkan tulisan jawi semasa UPKK.

Selain itu, para pelajar dapat melihat sejauh mana pencapaian mereka setelah ditabur usaha dan kesungguhan dalam mempelajari agama Islam yang menjadi identiti Muslim. Menurut Hafizah (2015), pencapaian akademik pelajar adalah sesuatu yang dicapai pada tahap kemajuan melalui usaha

dan ketekunan individu terhadap penguasaan ilmu atau kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan kepada mata yang dikumpul. Ini turut dipengaruhi daripada aspek pelajar itu sendiri yang mana pencapaian akademik dipengaruhi secara signifikan oleh sifat pelajar seperti minat, motivasi, dan sikap pelajar. Manakala persepsi pelajar bahawa mereka tidak yakin dengan kebolehan mereka, sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian dalam akademik (Aydeniz & Kaya, 2012). Setelah pemansuhan UPSR, para pelajar tiada lagi penilaian secara kualitatif di peringkat sekolah rendah sehinggalah UPKK menjadi syarat utama kemasukan pelajar ke sekolah menengah agama persekutuan dan negeri sejak tahun 2010. Titik mula kesedaran ini menjadikan UPKK meraih perhatian para ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka mencapai tahap yang sewajarnya.

Prestasi akademik dan motivasi dalam pendidikan agama adalah berkait rapat (Aseery, 2023) kerana penghargaan yang diberikan kepada pelajar berprestasi juga memotivasi pelajar lain untuk terus meningkatkan pengetahuan dan amalan dalam pendidikan Islam. Pernyataan ini menyokong Teori Matlamat Pencapaian (AGT) oleh Covington (2020) bahawa motivasi pelajar didorong oleh matlamat pencapaian mereka, yang diklasifikasikan kepada matlamat penguasaan dan matlamat prestasi yang saling berkaitan dalam diri setiap pelajar kerana mereka mempunyai keinginan untuk mengungguli orang lain (matlamat prestasi) dan memberi tumpuan kepada pertumbuhan dan peningkatan peribadi (matlamat penguasaan).

Ketersediaan pengetahuan Agama Islam yang lengkap dalam UPPK turut diakui oleh kajian Asif et al (2020) dan Kodelja (2012), bahawa pendidikan agama banyak membantu pembinaan akhlak, intelek, sosial, budaya, rohani, dan peribadi individu dengan pengetahuan, pemahaman serta nilai murni dalam diri setiap pelajar. Mereka diajar untuk menghormati, berbuat baik, dan menjaga hubungan dengan sesama manusia. Pembinaan akhlak yang baik merupakan asas penting dalam membentuk individu berakhlak mulia dan bertanggungjawab dalam komuniti seperti yang dibincangkan dalam dapatan kajian *"Influence of Religious Education in developing moral values of students in high secondary school education"* oleh Jalal (2022). Melalui proses pembelajaran dan penilaian yang berterusan, pelajar dapat memahami keindahan dan keagungan Islam yang memberi petunjuk dalam setiap aspek kehidupan sekaligus merealisasikan hasrat mereka menjadi insan madani. Dengan memahami ajaran Islam secara mendalam melalui UPKK, pelajar akan merasai kekuatan spiritual yang membawa mereka lebih dekat kepada Allah dalam penumbuhan kecintaan terhadap ajaran yang memimpin mereka membuat keputusan yang lebih baik dalam menghadapi cabaran yang dilalui. Para pelajar akan lebih bersedia melibatkan diri dalam aktiviti bermasyarakat seperti kelas mengaji, bengkel motivasi agama atau program kebajikan yang bertujuan memperkukuh hubungan antara manusia.

Cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan UPKK

Pada sudut pandang yang positif, UPKK mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam pembentukan sahsiah para pelajar. Namun dari segi pelaksanaan, ujian ini tidak terlepas daripada pelbagai cabaran

yang perlu ditangani. Tugas hakiki para guru adalah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Hassan, 2022), walaupun kini mereka sering dibebani dengan tugas luar seperti tugas-tugas perkeranian dan sebagainya. Dapatan kajian Hassan menunjukkan guru KAFA kurang berpuas hati dengan gaji yang diterima kerana mereka tiada sebarang skim lantikan dan hanya menerima RM900 sebulan tidak mengambil kira beban kerja yang diterima. Impaknya, bebanan kerja berlebihan ini menyebabkan para guru KAFA kekurangan masa dan tenaga terhadap kesiapsiagaan pelajar menghadapi UPKK sekaligus mendorong kejatuhan moral para guru untuk mengajar dengan lebih efektif.

Pengurusan KAFA sering kali berhadapan dengan pertembungan aktiviti di sekolah kebangsaan ketika sesi pembelajaran KAFA yang menyebabkan sebahagian para pelajar tidak dapat hadir ke kelas KAFA terutama pelajar tahun lima kerana aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Apabila masalah ini berlarutan, penghayatan pelajar terhadap pelajaran akan terjejas dan mengganggu kepuasan guru ketika pelaksanaan pembelajaran dalam kelas KAFA. Pada masa yang sama, masyarakat turut memandang kelas KAFA adalah tidak penting malah sering menganggap KAFA ini adalah satu pendidikan yang boleh menjadi pilihan kepada ibu bapa dalam menghantar anak mereka mendalami ilmu Al-Quran dan fardhu ain (Azizi Umar et. al 2016). Dalam konteks ini, perbincangan dua hala perlu diperhalusi dengan sebaik-baiknya kerana KAFA perlu ditonjolkan sebagai medium alternatif meningkatkan pemahaman pelajar sekolah rendah dengan ajaran Islam.

Kekurangan bahan rujukan dan latihan yang mencukupi menjadi penghalang untuk pelajar membuat persediaan ujian KAFA kerana buku teks dan modul pembelajaran yang disediakan mungkin tidak mencukupi atau tidak selaras dengan tahap pemahaman pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Bani Hidayat dan Nor Hayati dalam artikel Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) JAKIM menyatakan tahap guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada tahap sederhana dari segi strategi, bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran guru, aspek pedagogi, tahap profesionalisme guru KAFA, latihan guru dan modul-modul latihan pengajaran dan pembelajaran. Para guru terpaksa mencari bahan tambahan atau membuat sendiri bahan pengajaran yang lebih sesuai. Ini memerlukan masa dan usaha tambahan yang boleh meningkatkan lagi tekanan ke atas mereka. Oleh yang demikian, guru KAFA perlu memastikan amalan pengajaran dan pembelajaran dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan pengajaran kepada pelajar sekaligus menyediakan para pelajar untuk menghadapi UPKK (Nordin et al, nd).

Selain itu, pernyataan kekurangan latihan dan bengkel untuk para guru KAFA turut disokong dalam artikel terbitan Salleh et al. (2021) dan Hafizul Rasdi et al. (2017) yang menelusuri secara terperinci tentang permasalahan yang berlaku seperti peluang latihan yang terhad, kekurangan sumber untuk mengadakan bengkel pedagogi kepada guru KAFA, bajet pengoperasian KAFA tidak mencukupi, kurang ketelusan pihak bertanggungjawab serta para guru tidak mengambil cakna tentang permasalahan tersebut. Latihan yang mencukupi dan berkualiti adalah penting untuk memastikan para guru dapat mengajar dengan efisien, memastikan keberkesanan penyampaian sesuatu kemahiran serta

mempersiapkan para pelajar dengan baik untuk menghadapi UPKK. Penglibatan mereka dalam bengkel atau latihan tersebut memperkasa para guru KAFA sebagai teladan pembelajaran secara tidak langsung. Menurut Ahmad dan Mansor (2013), antara tugas guru KAFA ialah menjadi suri teladan atau qudwah hasanah untuk membentuk keperibadian pelajar secara formal mahupun tidak formal. Oleh yang demikian, para guru perlu mempunyai kualiti yang tersendiri dalam merealisasikan kehendak Falsafah Pendidikan Islam serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekaligus menyantuni kefahaman para pelajar dalam meneladani setiap subjek yang diajarkan. Perbezaan pengurusan KAFA adalah mengikut negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, badan-badan NGO dan Yayasan Islam Negeri menuntut solusi keseragaman dalam pengurusan supaya sumber kewangan dapat disalurkan secara sama rata daripada Kerajaan Persekutuan.

Tidak semua pelajar mendapat sokongan yang konsisten daripada ibu bapa atau penjaga mereka seperti tidak mempunyai akses kepada bahan bacaan tambahan atau bantuan untuk memahami pelajaran di rumah. Sokongan moral dan motivasi dari keluarga juga penting untuk membantu pelajar menghadapi tekanan dan cabaran menghadapi UPKK. Kekurangan sokongan boleh menjejaskan prestasi mereka dalam ujian kerana menurut Nordin et.al (nd), terdapat ibu bapa atau penjaga mengambil lewa terhadap kehadiran anak-anak ke KAFA dan merasakan keputusan peperiksaan tahunan yang dilaksanakan di KAFA adalah tidak penting. Secara tidak langsung, ini akan menyebabkan anak membuat spekulasi bahawa kelas KAFA sekadar mengisi waktu petang mereka.

Dapatan kajian Mohd Zeki et al (2020) turut menyokong pernyataan tentang infrastruktur dan kemudahan di sesetengah sekolah KAFA juga mungkin tidak mencukupi seperti masalah kekurangan bilik darjah yang sesuai, kemudahan asas seperti meja dan kerusi, peralatan pengajaran seperti papan tulis dan projektor serta kemudahan surau yang uzur. Kekurangan kemudahan ini boleh membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran secara holistik, sekaligus memberi kesan emosi kepada para pelajar.

Natijahnya, pelaksanaan UPKK memerlukan sokongan secara menyeluruh daripada pelbagai pihak, termasuk kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa, dan Masyarakat supaya cabaran yang dinyatakan dapat disantuni jalan penyelesaiannya.

Impak UPKK kepada sistem pendidikan negara

Laporan Sinar Harian pada 15 Jun 2024 memuatkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkaitan UPKK mempunyai implikasi yang ketara untuk mendukung aspirasi pendidikan negara melahirkan modal insan berakhlak tinggi serta turut membantu meningkatkan kualiti pendidikan Agama Islam di Malaysia dengan menyediakan satu standard penilaian yang uniform dan sangat relevan. Standard ini memastikan bahawa semua pelajar yang mengikuti kelas KAFA mendapat lanskap pendidikan yang sama rata dan bermutu tinggi. Dengan adanya standard penilaian yang

seragam yang selaridengan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk memudahkan pemantauan dan penambahbaikan terhadap kurikulum serta kaedah pengajaran yang sedang digunakan.

Kegusaran berkenaan tumpuan yang berlebihan terhadap UPKK boleh menyebabkan tekanan yang tidak wajar terutamanya terhadap para guru dan ibu bapa, apatah lagi pelajar yang mendepani ujian tersebut. Tekanan yang terlalu kuat berkenaan pencapaian akademik dalam UPKK boleh mengakibatkan suasana pembelajaran yang tegang dan kurang menyenangkan, menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental sekaligus mengurangkan minat mereka terhadap pembelajaran agama. Apa yang pasti, semua pihak perlu mengambil cakna bagi mengimbangi tuntutan ilmu dan penilaian terhadap UPKK. Tekanan merupakan permintaan yang dibuat ke atas keupayaan untuk menyesuaikan minda dan fizikal dan beliau menjelaskan sekiranya seseorang itu dapat menerima dan menangani permintaan tersebut, maka tekanan tersebut akan mendatangkan kesan yang positif (Fontan, 1989). Berdasarkan konsep ini, semua pihak wajar memainkan peranan dalam memastikan UPKK tidak menerima nasib yang sama seperti UPSR kerana UPKK merupakan satu penilaian uniform tentang kefahaman para pelajar Islam dalam sistem pendidikan negara. Sistem pendidikan seharusnya menekankan pembelajaran secara holistik, dan bukannya sekadar mengejar keputusan peperiksaan. Pendidikan holistik merangkumi perkembangan intelektual, emosi, sosial, dan rohani pelajar. Dengan memberi terlalu banyak penekanan kepada keputusan peperiksaan, kita mungkin mengabaikan aspek lain yang sama penting dalam perkembangan pelajar. Keseimbangan di antara penilaian akademik dan pembangunan holistik perlu dititikberatkan bagi memastikan potensi pelajar berkembang secara total.

Isu penyelarasan antara kurikulum KAFA dan kurikulum pendidikan kebangsaan, yang kadangkala menimbulkan konflik dari segi pembahagian masa dan fokus pembelajaran. Pelajar perlu membahagikan masa di antara mata pelajaran akademik dan mata pelajaran agama. Bebanan kerja yang berlebihan boleh menyebabkan kelesuan dan keletihan, serta mengurangkan masa untuk aktiviti kokurikulum dan masa senggang. Menurut Laporan Jakim pada 2018 turut menyokong tentang kaedah pengajaran tradisi menyebabkan para pelajar cepat bosan dan kurang aktif di dalam kelas KAFA. Konflik ini turut menjejaskan prestasi para pelajar dalam kedua-dua bidang serta mengurangkan kualiti pengalaman pembelajaran mereka di sekolah rendah. Ketirisan dalam menyelaraskan kurikulum KAFA dan kurikulum pendidikan kebangsaan menyebabkan ketidakseimbangan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Para guru mungkin menghadapi kesukaran untuk menyelaraskan jadual pengajaran mereka, manakala pelajar berkemungkinan menghadapi kesukaran mengikuti kedua-dua kurikulum secara efisien. Ini boleh mengakibatkan jurang dalam pemahaman dan pencapaian pelajar, serta menjejaskan matlamat pendidikan negara secara keseluruhan.

Tuntasnya, UPKK masih relevan dan mempunyai impak yang signifikan terhadap sistem pendidikan negara untuk membantu meningkatkan kualiti pendidikan Islam dengan menyediakan standard penilaian yang seragam. Namun cabaran yang dinyatakan perlu disantuni jalan penyelesaian supaya pelaksanaan UPKK lebih berkesan. Pendekatan yang seimbang dan holistik perlu diambil untuk

memastikan bahawa UPKK memberi manfaat yang maksimum kepada para pelajar tanpa mengabaikan aspek-aspek penting lain dalam pendidikan mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini menegaskan bahawa Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) kekal relevan dan signifikan dalam sistem pendidikan negara, khususnya dalam memperkukuh Pendidikan Islam serta pembentukan modal insan yang berakhlak, berilmu dan berjati diri Muslim. UPKK bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen penilaian kefahaman asas agama Islam, malah berperanan memupuk penghayatan amalan Islam dalam kehidupan seharian serta memperkasakan literasi Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Namun demikian, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran seperti beban tugas dan kebajikan guru KAFA, kekangan prasarana, kekurangan latihan profesional, konflik penjadualan dengan sekolah kebangsaan serta tahap sokongan ibu bapa yang tidak seimbang. Justeru, pendekatan yang lebih menyeluruh, terselaras dan holistik perlu dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan agar UPKK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan tanpa menjejaskan kesejahteraan emosi pelajar, sekali gus memastikan matlamat pendidikan Islam dan aspirasi pendidikan negara dapat direalisasikan secara seimbang.

Rujukan

- Ahmad, A. N., & Mansor, A. N. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam terhadap pembentukan peribadi murid. *ReCSTeC 2013: Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character*, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Aseery, A. (2023). *Enhancing learners' motivation and engagement in religious education classes at elementary levels. British Journal of Religious Education*, 46(1), 43–58. <https://doi.org/10.1080/01416200.2023.2256487>
- Asif, T., Guangming, O., Haider, M.A., Colomer, J., Kayani, S., Amin, N. (2020). *Moral Education for Sustainable Development: Comparison of University Teachers' Perceptions in China and Pakistan. Sustainability*
- Azizi Umar, Shahrudin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Basah, Mohd. Kamal Abdul Fattah Pardon (2016) Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat (SAR) / Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) Persendirian Di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 12, 136-161. KUIS: Pusat Perkembangan Penyelidikan.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan*

Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober

- Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib (2018). Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).
- Covington, M. V. (2000). "Goal Theory, Motivation, and School Achievement: An Integrative Review." *Annual Review of Psychology* 51 (1): 171–200. doi: 10.1146/annurev.psych.51.1.171.
- Fontan, D. (1989), *Managing Stress*. British Psychological Society & Routledge Ltd
- Hafizah Abdul Razak (2015). Hubungan Antara *Big Five* Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Hafizul rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail dan Fatimah Hamrie. (2016). Kekuatan Pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Bahagian Betong Sarawak. Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UITM: Malaysia
- Mohd Zeki, M. Z., Abdul Razak, A. Z., & Abd. Razak, R. (2020, January). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pedalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan Kbat? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. <https://juku.um.edu.my/article/download/22198/11156>
- Hassan, M. Z. Z. (2022). Tahap kepuasan bekerja di kalangan guru KAFA Putrajaya. *Ir.upsi.edu.my*. <https://ir.upsi.edu.my/details.php?det=8497>
- Ismail, Hilmi (2010). Pengamalan solat fardhu di kalangan mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu. Diss. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Jalal, Hina. (2022). *Influence of Religious Education in developing moral values of students in high secondary school education*. 10.13140/RG.2.2.26539.31520.
- Chzin, D. T., & Shahlan Surat. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik : Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Kodelja, Z. (2012). *Religious Education and the Teaching about Religions*. *Slovenian Society for Researchers of School Fields*, 1(2), 251–259, 277–278
- Laporan Prestasi Piagam Pelanggan JAKIM, (2018). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- M. Aydeniz, E. Kaya. (2012). *Factors impacting Turkish students' attitudes towards science and their academic performance in science*. *Journal of Turkish Science Education*, 9(2), 25-48.
- Munawar, A., Zakaria, Siti, S., Suhaimi, A., Islam, F., & Kunci, K. (2012). Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. In *Jurnal Hadhari Special Edition* (pp. 143–154). http://journalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862_143-154.pdf

- Nordin, N., Ainna, W., Rozali, W., Sa'ari, N., & Husin, S. (n.d.). Fardhu Ain (Kafa) Di Kafa Masjid Kuipsas. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(2). https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2022/01/JESOC18.ISU-2_88.pdf
- Salleh, H. M., Ali, A., Yip, N. M., & Afnezul, A. N. (2021). *Training Needs among KAFA Teachers: A Case Study in Selangor*. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 200-207.
- Saimon, A., Fauzi, S. N. S. M., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Halim, N. A. A. (2023). Tahap penguasaan Tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 4 di sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71–82. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.6.2023>
- Sistem pendidikan KAFA perlu dinamik. (2024, June 15). Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/670303/berita/nasional/sistem-pendidikan-kafa-perlu-dinamik>
- Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan. 7(2). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.